

05/05/2003

`Siapa timbalan' bukannya isu

Kadir Dikoh

AHLI Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz, tidak jauh berbeza dari zamannya ketika berada dalam Pemuda Umno lebih sedekad lalu dari segi pendekatan apabila menyampaikan ucapan lebih sejam ketika merasmikan mesyuarat perwakilan tahunan Umno Bahagian Bukit Bintang di ibu negara, baru-baru ini.

Beliau dijemput oleh Pemangku Ketua Umno Bukit Bintang, Datuk Zulkifly Rafique, rakan sebiliknya ketika sama-sama menuntut di London dalam jurusan undang-undang.

Menteri Pembangunan Usahawan itu yang mencetuskan kontroversi baru-baru ini, dalam ucapannya antara lain menyatakan: "Saya jenis orang cakap serupa bikin. Umno jika mahu terus relevan mesti mendampingi generasi muda kerana golongan ini adalah majoriti dalam negara dan penentu kita (Umno) menang atau tidak dalam pilihan raya. Jika mereka tepuk belakang kita sambil sebut brother, kita tepuk balik belakang dia, yes brother."

Beliau banyak kali menyebut bahawa suara ahli peringkat akar umbi mesti diambil kira dalam setiap keputusan, jangan sekat golongan profesional masuk Umno, stail politik 60-an hendaklah diketepikan dan jangan tunduk kepada pembangkang, terutama Pas.

"Kalau Pas ajak berdebat, kita pergi. Saya tahu ada orang kata, orang Umno takut dan pasti debat dengan Pas akhirnya tidak menjadi seperti selalu. Saya mahu ubah tanggapan ini dan saya sanggup berdebat meskipun orang Pas beri pelbagai syarat," katanya.

Ketika ini, Nazri yang juga Ketua Umno Bahagian Chenderoh menjadi tumpuan berikutan kenyataan kontroversinya pada 6 April lalu dengan menyatakan sokongan terbuka supaya Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, menjadi Timbalan Presiden Umno dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Oktober ini.

Kebetulan Najib merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian itu, tetapi sokongan berkenaan bukan dibuat dalam bentuk usul seperti dijelaskan oleh Nazri dua hari kemudian.

Namun, nasihat Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya semua bahagian Umno tidak mengemukakan usul berhubung siapa bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila beliau mengambil alih kepemimpinan parti dan negara selepas Oktober ini, `menyelamatkan' keadaan.

Jika tidak, akan ada bahagian tertentu mencadangkan nama lain untuk jawatan sama dan senario `tunjuk sokongan dan kekuatan' ini akan berterusan, yang akhirnya Umno menjadi parah.

Apakah kegiatan melobi oleh penyokong calon tertentu sudah bermula di bahagian?

"Secara keseluruhannya ini tidak nampak meskipun ada orang tertentu berjalan-jalan (melobi). Itu aktiviti biasa. Kita tak dengar lagi soal perebutan untuk jawatan tinggi dalam parti," kata Ahli Majlis Tertinggi, Azimi Daim.

Mesyuarat tahunan semua 165 bahagian Umno, termasuk Wanita, Pemuda dan Puteri, yang bermula sejak 1 April lalu, hampir selesai. Kini perhatian tertumpu kepada persiapan perhimpunan agungnya Jun ini. Mesyuarat peringkat bahagian juga memilih wakil untuk menghadiri perhimpunan agung itu.

Tiada usul mendesak supaya calon tertentu dilantik menjadi orang nombor dua dalam kerajaan dan parti. Kenyataan sokongan terbuka itu hanya dibuat

oleh satu bahagian di Perak, satu lagi di Kuala Lumpur dan oleh ketua Pemuda Umno bahagian di Negeri Sembilan.

Umno Tawau mendesak supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik keputusannya untuk mengundur diri, manakala Umno Bahagian Pendang meluluskan usul meminta Dr Mahathir supaya dikekalkan sebagai Presiden Umno selepas beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, Oktober ini.

Malah, ada juga bahagian yang meminta supaya wakil rakyat tertentu dikekalkan pada pilihan raya umum nanti.

Satu usul dikemukakan oleh Umno Bahagian Kota Bahru ialah supaya pemilihan calon untuk pilihan raya umum akan datang diberi kepada peringkat bawahan. Semua usul itu nanti akan diteliti dan ditapis oleh jawatankuasa khas diketuai Najib.

Puteri Umno Kepala Batas, Pendang dan Batu Pahat mencadangkan supaya had umur 40 tahun bagi jawatan tertinggi pergerakan itu dimansuhkan. Cadangan itu dipercayai menjurus kepada hasrat mahukan Ketua Puteri sekarang, Azalina Othman, yang akan mencecah usia 40 tahun, tahun ini, meneruskan kepemimpinannya.

Puteri Umno bahagian Petaling Jaya Utara mengemukakan usul supaya semua pemohon berusia 18 hingga 35 tahun secara automatik diterima sebagai ahli Puteri Umno. Bahagian itu juga mahukan jika boleh semua wanita berusia 35 tahun ke bawah yang sudah menganggotai Wanita Umno, diserap ke dalam Puteri.

Usul ini pasti mengundang kemarahan Wanita Umno. Namun, biarlah semua ini diselesaikan pada peringkat tertinggi parti nanti.

Ada yang berpendapat mesyuarat Umno kali ini agak hambar kerana tiada pemilihan untuk jawatan pada peringkat bahagian dan seterusnya ke peringkat MT. Kali terakhir pemilihan dalam Umno ialah pada 2000. Begitupun, bahang pemilihan dalam parti tahun depan sudah terasa pada peringkat bawahan.

Dalam pada itu, tumpuan terlebih dulu menjurus kepada peristiwa Oktober ini apabila Dr Mahathir secara rasmi melepaskan jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri, dan digantikan oleh timbalannya, Abdullah.

Nazri secara terbuka sudah `menghidu' bahang itu tetapi hakikatnya, itulah isu paling hangat diperkatakan bukan saja oleh ahli Umno, malah rakyat keseluruhannya.

Semua tiga Naib Presiden, iaitu Najib, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, layak untuk dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

Bagaimanapun, Abdullah selaku bakal Perdana Menteri dan Presiden Umno nanti bebas untuk memilih seorang daripada mereka kerana menjadi haknya untuk berbuat demikian.

Malah, adalah menjadi amalan tradisi juga bahawa pemilihan tidak semestinya terikat kepada kedudukan paling kanan (berdasarkan jumlah undi dipungut) di kalangan tiga naib presiden.

"Ini semua ditentukan oleh Allah. Kalau seorang itu dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, maka itu memang rezeki dia," kata pembantu kanan Abdullah, sambil menambah bahawa pemimpin Umno hendaklah akur kepada `DUIT', iaitu `Doa, Usaha, Iktibar dan Taqwa'.

Katanya, Umno pernah bergolak sebelum ini dan kemudian keadaan boleh diredakan semula setelah tercetus sesuatu krisis.

Sesetengah pihak berasakan bahawa tekanan tidak harus diletakkan kepada Abdullah untuk memilih bakal timbalannya itu. Ini kerana Abdullah juga boleh mengetepikan ketiga-tiga Naib Presiden dan sebaliknya memilih di kalangan ahli MT yang lain sebagai timbalannya kerana Perlembagaan Umno tidak menyebut mengenai hal-hal tradisi ini.

Allahyarham Tun Hussein Onn dikatakan pernah cuba untuk melantik orang yang bukan di kalangan Naib Presiden, iaitu Tan Sri Ghazali Shafie,

sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1976, tetapi dibantah oleh tiga Naib Presiden ketika itu - Tun Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr Mahathir. Akhirnya, Dr Mahathir - Naib Presiden nombor tiga - menjadi pilihan.

Sejarah Umno menunjukkan bahawa pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri atau Timbalan Presiden Umno boleh didahulukan atau dilakukan kemudian, mengikut kesesuaian masa serta keperluan politik.

Misalnya, Hussein (1973), Dr Mahathir (1976), Tun Ghafar Baba (1986) dan Abdullah sendiri (1999) dilantik memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri terlebih dulu sebelum masing-masing kemudian disahkan oleh perwakilan Umno bagi jawatan Timbalan Presiden Umno.

Bagaimanapun, Tan Sri Musa Hitam (1981) dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (1993) memenangi jawatan nombor dua dalam parti terlebih dulu sebelum mereka dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Berdasarkan sejarah Musa dan Anwar, Dr Mahathir menyerahkan kepada perwakilan Umno untuk 'melantik' siapa ke jawatan Timbalan Perdana Menteri, tetapi mengubah amalan itu apabila melantik Ghafar dan Abdullah ke jawatan Timbalan Perdana Menteri terlebih dulu.

Maknanya, Abdullah tidak terikat sama ada untuk mendahulukan yang mana satu. Namun, Abdullah bertindak bijak dengan mengetepikan tekanan supaya beliau menamakan bakal timbalannya lebih awal, seawal akhir tahun lalu lagi.

"Pak Lah belum menjadi Perdana Menteri lagi, mana boleh dia berbuat demikian, hormatilah Dr Mahathir yang masih duduk di situ," kata sumber yang rapat dengan Timbalan Perdana Menteri itu.

Sesetengah pemerhati melihat kenyataan terbuka Nazri tempoh hari sebagai 'isyarat' awal untuk mengingatkan Abdullah, tetapi ada yang menyatakan bahawa tindakan Nazri itu kurang bijak kerana ia bukan saja memberi tekanan kepada Abdullah, malah pada diri Najib sendiri.

Pada hari sama akhbar menyiarkan kenyataan Nazri itu, Najib pada sebelah lewat petang mengeluarkan kenyataan satu muka surat dengan menasihatkan ahli parti supaya tidak berbincang dan menyuarakan pandangan secara terbuka mengenai isu jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno, pada mesyuarat bahagian yang berlangsung sepanjang April.

Pada hari yang sama juga, Muhyiddin menerima panggilan telefon daripada pemimpin tertinggi parti supaya membuat kenyataan sama bagi mengelak isu itu berlarutan yang boleh memecah-belahkan perpaduan ahli Umno.

"Muhyiddin pada mulanya bertegas tidak mahu membuat sebarang kenyataan akhbar kerana tidak mahu kenyataannya nanti disalah tafsir, tetapi kemudian terpaksa akur untuk berbuat demikian," kata sumber yang rapat dengan menteri itu.

Keesokannya, iaitu pada 8 April, barulah Muhyiddin mengadakan sidang akhbar yang antara lain menasihatkan ahli parti supaya tidak memberi tekanan kepada Abdullah untuk memilih timbalannya apabila mengambil alih kepemimpinan kerajaan dan Umno selepas Oktober ini.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, iaitu Muhammad, turut membuat ulasan dengan menasihatkan ahli parti supaya mengikut tradisi dalam soal pemilihan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Timbalan Presiden Umno.

Beliau berkata, tradisi dalam parti yang sudah lama diamalkan ialah menyerahkan kepada budi bicara Perdana Menteri untuk memilih sendiri timbalannya.

"Maknanya, biar Abdullah sendiri memilih timbalannya apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir selepas Oktober nanti. Jangan kita ubah tradisi ini.

"Sekarang ini elok kita tumpu kepada usaha mengukuhkan parti dan mencari kekuatan menjelang pilihan raya umum akan datang. Janganlah kita memulakan

langkah yang boleh mencetuskan pergolakan serta perpecahan dalam parti," katanya.

Namun, perhimpunan agung Umno bermula 18 Jun ini, dijangka menjadi perhatian dan petunjuk jelas mengenai hala tuju kepemimpinan parti selepas Oktober ini.